

## **Aplikasi teori mahjub terhadap pembaikan sebutan bunyi bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sabah**

### **ABSTRAK**

Terdapat banyak modul sebutan berada di pasaran yang memperkenalkan teknik pembelajaran dan pengajaran sebutan al-Quran al-Karim dan bahasa Arab. Ada yang menggunakan kaedah klasik, moden dan ada juga yang menggunakan kedua-dua kaedah secara komprehensif. Namun, amat sedikit kita lihat kaedah yang dapat memperbaiki sebutan dan menumpukan secara khusus teknik kepada pelajar bukan Arab. Sering kali diperkatakan tentang masalah sebutan pelajar Sabah tanpa membuat kajian secara terperinci dan ilmiah. Justeru, kajian ini dibuat untuk melihat masalah sebenar sebutan bunyi bahasa Arab pelajar Sabah dan seterusnya mengaplikasikan teori Mahjub (1993) untuk memperbaiki masalah sebutan bahasa Arab. Kajian ini dilakukan di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Kota Kinabalu yang responden kajiannya ialah pelajar sekolah tingkatan empat. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti secara ilmiah permasalahan sebutan dalam kalangan pelajar Sabah dan mengapikasi kaedah fonetik Mahjub, seterusnya melihat keberkesanan modul Mahjub sebagai instrumen terbaik memperbaiki sebutan pelajar Sabah. Kajian kualitatif ini menggunakan huruf-huruf konsonan yang sukar bagi pelajar asing yang dibuat oleh Mahjub (1993) yang menggunakan modul yang digunakan untuk memperbaiki sebutan Arab pelajar asing. Terdapat tiga langkah utama dalam kajian ini, iaitu rakaman ujian pertama (U1) sebagai sebutan bahasa Arab terkini pelajar Sabah, kemudian langkah kedua melaksanakan PdP berdasarkan PdP Mahjub dan langkah yang ketiga membuat rakaman ujian kedua (U2) untuk melihat keberhasilan teori Mahjub dalam memperbaiki sebutan pelajar Sabah. Hasil Kajian menunjukkan nilai yang sangat signifikan antara U1 dan U2. Daripada sembilan huruf yang diuji itu, konsonan 'Ayn [ ع ] paling baik disebut oleh pelajar dan huruf Dad [ ض ] paling sukar disebut dalam U1. Dalam U2, huruf Ta' [ ط ] paling sukar disebut dan huruf Sad [ ص ] paling mudah disebut. Dalam U1 Fathaṭ paling tinggi skor dengan 68.2 berbanding Sukun yang mempunyai skor paling rendah dengan 33.3. Secara puratanya, dalam U1 pelajar atau responden hanya mendapat purata sekitar 55 skor min bagi Dammaṭ dan Kasraṭ. Namun, pada U2 peningkatan masing-masing Dammaṭ dan Kasraṭ. mendapat skor yang hampir sama, iaitu 77.9 dan 76.9. Data menunjukkan bahawa Sukun paling bermasalah kepada responden dalam sebutan. Begitu juga terdapat perubahan yang signifikan dalam ujian kedudukan Fathaṭ, Dammaṭ dan Kasraṭ dari U1 kepada U2. Kajian menunjukkan bahawa teori Mahjub ini berhasil memperbaiki

masalah sebutan dalam kalangan pelajar Sabah dan memberikan satu alternatif untuk diaplikasi dalam PdP pelajar dan membuka ruang kepada penulis lain untuk memanjangkan kajian pada masa akan datang.